



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

FAKULTI PENDIDIKAN

PERADABAN ISLAM DAN TAMADUN DUNIA  
GGGC 6473

NAMA PENSYARAH:

DR HJ MAIMUN AQSHA LUBIS

NAMA PELAJAR:

NORLELA BINTI HARUN ( P32029)

RABIATUL ADAWIYAH BINTI ABDUL SARIF (P36035)

SULISTIYOWATI AFKARI (P39095)

**TAJUK SEMINAR:**

**Isu dan Cabaran Pembinaan Tamadun Masa Kini di Malaysia**

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
KONSEP TAMADUN DARI PELBAGAI PERSPEKTIF	1
PRINSIP-PRINSIP ASAS KELAHIRAN TAMADUN MANUSIA	7
FAKTOR PEMBINAAN, PERKEMBANGAN DAN KEMEROSOTAN TAMADUN MANUSIA	9
SEJARAH PERKEMBANGAN TAMADUN ISLAM	10
PENGENALAN FALSAFAH	14
PENGERTIAN FALSAFAH	15
PERSOALAN FALSAFAH	15
PERKEMBANGAN ILMU FALSAFAH	16
BIDANG-BIDANG FALSAFAH	19
BIDANG-BIDANG FALSAFAH ISLAM	21
PERTENTANGAN DALAM FALSAFAH BARAT	23
SUMBANGAN FALSAFAH DAN PEMIKIRAN	24
ISLAM HADHARI DAN FALSAFAH PEMBANGUNAN	26
ASAS FALSAFAH PEMBANGUNAN ISLAM	26
PENGENALAN TOKOH FALSAFAH	28
RUMUSAN	50
BIBLIOGRAFI	

## KONSEP TAMADUN DARI PELBAGAI PERSPEKTIF

Prof. Madya Dr. Marzuki Hj. Mahmood dalam Abdul Rauh Yaacob ( 1994 ) istilah “Tamadun” atau kadangkala disebut sebagai “Peradaban” telah didefinisikan dalam pelbagai istilah. Bagaimanapun para sarjana cenderung menggunakan istilah tamadun dalam perbincangan ilmiah mereka. Penggunaan istilah tamadun dalam perbincangan ini tidaklah bermakna inilah istilah sebenar yang seharusnya digunapakai dalam mendefinisikan istilah tamadun Islam. Oleh itu untuk memahami konsep tamadun secara komprehensif, sekurang-kurangnya perbandingan perspektif antara Islam dan barat perlu dianalisis bagi memperihalkan lagi konsep sesebuah tamadun itu.

### Definisi Tamadun Secara Umum

Berdasarkan Kamus Dewan, tamadun diertikan sebagai kebudayaan, kemajuan, peradaban sesuatu bangsa yang bertamadun, bermakna bangsa yang beradab, bersopan santun dan berkemajuan. Ditinjau dari aspek bahasa, perkataan Tamadun berasal daripada kata dasar bahasa Arab *Tamaddana* atau *Madana* yang mengandungi erti pemilihan sesuatu lokasi sebagai tempat tinggal, membangun sesuatu kawasan hingga menjadi suatu perbandaran. *Kamus al-Munjid* menjelaskan istilah “Tamadun” adalah terbitan daripada lafaz *Tamaddana*, iaitu fenomena daripada perubahan cara kehidupan daripada corak liar atau nomad kepada kehidupan yang berbentuk maju.

Ibn Khaldun pula menerusi karyanya *Muqaddimah*, menggunakan beberapa istilah, seperti *umran*, *Tamaddun* dan *hadarah* sebagai merujuk kepada erti tamadun. Istilah lain yang dikira sinonim dengan maksud tamadun ialah *hadarah* dalam bahasa Arab. Ia membawa maksud, satu cara hidup bagi sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu lokasi tertentu. *Hadarah* adalah kata terbitan daripada perkataan al-Hadar dan al-Hadirah, iaitu menetap di kawasan Bandar, manakala lawannya pula ialah menetap di kawasan Badiyah iaitu kawasan kampung, desa dan pedalaman. Istilah ini lahir kerana

merujuk kepada sikap para penduduknya memilih sesuatu kawasan tertentu menjadi tempat tinggal yang tetap. Di sana mereka berkesempatan mencipta berbagai-bagai kemajuan. Rentetan daripada itu Ibn Khaldun telah merumuskan bahawa hadarah atau tamadun tidak lahir di kawasan-kawasan pedalaman, kerana kelompok Badwi (kelompok tidak berkemajuan) adalah bersikap menghalang tamadun.

Para penulis Arab bagaimanapun dilihat cenderung menggunakan tiga istilah iaitu *Hadarah*, *Madaniyah* dan *Thaqafah* sebagai mempunyai erti yang sama. Secara umumnya dapatlah dijelaskan di sini hadarah atau tamadun itu merupakan gambaran bagi 'kehidupan yang berada pada tahap maju' manakala lawannya adalah badawah yang dikaitkan dengan hidup di pedalaman (jauh daripada kemajuan).

*Hadarah* mengandungi dua pengertian :

1. Pengertian yang objektif : Iaitu suatu himpunan fenomena kemajuan dalam bidang kesusasteraan, teknik, keilmuan dan undang-undang yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi dalam sesebuah masyarakat.
2. Pengertian yang subjektif : Ia digambarkan sebagai suatu peringkat perkembangan kehidupan manusia yang tinggi, yang berlawanan dengan kehidupan liar atau ganas, atau digambarkan sebagai kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai idea atau bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai. Bentuk idea kehidupan itu adalah yang subjektif sifatnya. Ia bergantung kepada masa dan tempat serta nilai-nilai yang dianuti.

Satu lagi istilah yang sering dikaitkan dengan tamadun, ialah *thaqafah* atau *culture* dalam bahasa Inggeris, atau kebudayaan dalam bahasa kebangsaan. Kebudayaan atau *thaqafah* sesuatu umat adalah asas bagi pembentukan tamadun yang merangkumi pemikiran, bahasa dan segala yang berhubung dengan kehidupan. Ditinjau dari perspektif *thaqafah* Islamiyah, ia menunjukkan gambaran keseluruhan kehidupan umat Islam yang merangkumi fenomena masa lalu dan masa akan datang dari aspek kepercayaan, bahasa, sejarah dan segala perkara yang mencakupi urusan kehidupan.

Tamadun dari perspektif barat

Kebanyakan pemikir barat lebih menonjolkan ciri-ciri kebendaan atau material sebagai ukuran bagi menentukan sesebuah masyarakat itu bertamadun atau sebaliknya. Berikut diutarakan di sini beberapa pandangan tamadun oleh tokoh-tokoh sarjana barat :

1. Arnold Toynbee

”Tamadun ialah satu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ia mempunyai empat elemen, iaitu bahan-bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.”

2. J.K. Fiebleman

”Tamadun ialah kepandaian mengeksploitasi material oleh masyarakat. Dengan kata lain, proses masyarakat terhadap material dengan menjadikannya barang baru bagi keperluan tertentu. Di samping *world view* masyarakat itu sendiri berubah oleh benda-benda itu, ataupun daya usaha manusia itu dan kesannya ke atas nilai manusia itu.

3. E.B. Taylor

Tamadun ialah satu rangkaian rumit yang merangkumi aspek-aspek keilmuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, perundangan, tradisi, bakat dan kebolehan yang dihasilkan oleh masyarakat.

4. Darcy Ribeiro

Masyarakat bertamadun ialah masyarakat yang memiliki ciri-ciri berikut :

- a. Berakhirnya cara hidup nomad dan mencipta alat teknologi dalam pertanian.
- b. Bermulanya pembahagian kerja/tugas yang berasaskan kumpulan.
- c. Pertumbuhan kota dan negara, wujudnya status sosial, usaha mewujudkan sistem pengaliran bagi pertanian. Penggunaan peralatan logam seperti tembaga, serta wujud tulisan angka dan kalendar.
- d. Ciptaan berteknologi daripada besi sebagai lanjutan kepada penggunaan bahan-bahan mentah secara meluas, pengeluaran alat-alat baru, perkapalan dan penggunaan wang syiling bagi memudahkan urusan perdagangan.

- e. Revolusi perdagangan
- f. Revolusi pertanian
- g. Revolusi teknologi
- h. Revolusi industri

5. Albert Schweitzer

Tamadun ialah kemajuan seimbang dari aspek kerohanian dan kebendaan ke atas individu atau masyarakat. Ini bermakna *hadarah/civilization* bersifat kerohanian, sementara *madaniyah* lebih bersifat kebendaan.

6. *A Dictionary of The Social Sciences*

- a. Tamadun dan kebudayaan mempunyai pengertian yang sama.
- b. Tamadun ialah kebudayaan apabila sifatnya lebih kompleks dan merangkumi banyak aspek.
- c. Tamadun ialah kebudayaan apabila sifatnya lebih berkualiti dengan ciri-ciri kemajuan.
- d. Tamadun akan bertentangan dengan kebudayaan apabila makna kebudayaan itu lebih menjurus kepada erti mitos, kepercayaan, seni dan sastera, sedangkan tamadun pula merupakan idea manusia yang lebih menitikberatkan kepada aspek teknologi dan Sains.

7. Will Durant

Tamadun ialah peraturan masyarakat yang dapat membantu meningkatkan pengeluaran kebudayaan dan ia merangkumi empat elemen, iaitu sumber ekonomi, sistem politik, tradisi moral dan kesenian.

Konsep Tamadun dari Perspektif Islam

Asas tamadun Islam adalah bertunjangkan aqidah, tauhid dan nilai-nilai keimanan. Para pemikir dan sarjana Islam menjadikan dasar ajaran Islam yang terdiri daripada Tauhid, Syari'ah dan Akhlak sebagai tonggak pembentukan tamadun Islam. Berikut dikemukakan beberapa pandangan sarjana Islam berkenaan dengan konsep tamadun Islam.

1. Ibn Khaldun

Tamadun ialah kemuncak pembangunan yang berkait dengan peningkatan kemewahan, keindahan suasana dan minat kepada pelbagai aspek industri yang boleh mempertingkatkan kualitinya. Ini termasuk keperluan kepada bahan-bahan makanan, pakaian, peralatan rumahtangga dan sebagainya.

2. Saiyid Qutb

Tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, politik, ekonomi dan kebudayaan yang berteraskan syariat Allah, serta bercirikan nilai-nilai moral Islam.

3. Said Hawa

Melalui karyanya al-Islam beliau menyatakan bahawa tamadun secara umum terbahagi kepada dua kategori sahaja, iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Jahilliyah. Tamadun Islam ialah segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam serta hasilnya juga relevan dengan kebudayaan itu. Manakala tamadun jahiliyah pula ialah segala kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan dengan tidak mengambil kira aspek kerohanian dan moral.

4. Abu Bakar Hamzah

Tamadun Islam menitikberatkan soal pembangunan yang sepadu antara dua unsur iaitu unsur kerohanian dan unsur kebendaan. Pembangunan itu lahir seiring, sejalan dan serentak dengan perkembangan kehidupan manusia, sama ada dalam bentuk pemikiran atau kebendaan. Di sinilah letaknya kelainan tamadun Islam daripada tamadun-tamadun yang lain, kerana tamadun Islam merupakan tamadun insaniah yang mengambil kira asas keadilan, asas-asas berfikir dalam semua disiplinnya, sama ada sistem politik,

kebudayaan mahupun asas ilmu yang berkait dengan falsafah, seni, perubatan, geografi, muzik dan sebagainya.

5. 'Umar 'Audah al-Khatib

Tamadun ialah himpunan ilmu pengetahuan, syari'at, peraturan tradisi dan moral yang menunjukkan keadaan pemikiran, ekonomi, akhlak, politik, kesenian dan seluruh kehidupan kebendaan dan kerohanian dalam sesuatu sejarah.

6. Dr.Muhammad al-Bahiy

Konsep tamadun sebagai keseluruhan penghasilan atau produktiviti yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusasteraan dan lain-lain.

7. Ahmad Bek Kamal

Menekankan aspek daya usaha ke arah mengeluarkan masyarakat daripada suasana hidup liar atau nomad kepada kehidupan berpendidikan dan pembentukan moral tanpa mengira sama ada di Timur mahupun di Barat.

Jelas di sini bahawa sememangnya terdapat perbezaan di antara perspektif barat dan Islam berkaitan dengan konsep tamadun. Islam menitikberatkan soal kerohanian dan dalam masa yang sama menekankan kepada manusia agar meningkatkan pembangunan material. Berlainan pula dengan barat yang hanya menfokuskan kepada unsur kebendaan sahaja. Kenyataan yang dapat diperihalkan di sini adalah pentingnya kesepaduan di antara pembangunan material dan spiritual atau kebendaan dan kerohanian. Bersesuaian dengan kesyumulan Islam itu yang berpaksikan kepada aqidah Tauhid, Syari'ah dan Akhlak.

## **PRINSIP-PRINSIP ASAS KELAHIRAN TAMADUN MANUSIA**

Munif Zarirruddin Fikri Nordin dalam Mohd Liki Hamid ( 2006 ) berpandangan kelahiran tamadun dapatlah diperjelaskan sebagai manifestasi proses perubahan cara hidup manusia dalam erti kata cara hidup yang semakin bertambah sempurna, cekap dan berkesan. Seiring dengan perubahan itu jugalah meningkatnya tuntutan manusia untuk memenuhi desakan dan keperluan hidupnya. Oleh yang demikian, pemeringkatan proses perubahan cara hidup yang dialami oleh manusia yang bermula dari peringkat individu hanya dapat dikembangkan melalui proses hidup bermasyarakat secara kolektif. Kronologi perkembangan tamadun ini bermula dengan prinsip sosioekonomi iaitu merujuk kepada faktor kependudukan seperti faktor sosial dan faktor sumber seperti faktor ekonomi yang kemudiannya diperkukuh oleh prinsip interaksi manusia dengan alam, kreativiti manusia dalam memenuhi tuntutan kehidupan, persaingan manusia serta pemimjaman kepakaran.

### **1. Sosioekonomi**

Kehidupan manusia yang menetap seperti yang dinyatakan di dalam bahagian etimologi tamadun iaitu yang merujuk kepada pengertian hadarah menjadi prinsip paling asas yang membolehkan manusia menjalani kehidupan seharian dengan lebih sistematik.

### **2. Interaksi Manusia dengan Alam**

Interaksi seorang manusia dengan alam sehingga mencetuskan nilai-nilai kerohanian ke atas alam dan pengalaman kepada diri sendiri yang mana tidak akan sempurna tanpa penglibatan manusia lain. Walau sekuat mana sekalipun ketahanan diri seorang manusia, paling minumum dia memerlukan seorang ibu, bapa atau teman. Justeru itu, pemasyarakatan dan pembudayaan idea, tenaga, usaha dan pengalaman yang terhasil daripada interaksi dengan alam akhirnya akan membawa manusia kepada kelahiran tamadun.

### **3. Daya Kreativiti Manusia**

Pengalaman manusia itu berinteraksi dengan alam mengajarnya menjadi kreatif. Apa-apa yang diperkatikan alam sekeliling menjadikan manusia itu sentiasa berfikir dan meneroka sesuatu yang baru. Daripada segi hakikat kejadian, manusia dibekalkan oleh Allah SWT dengan unsur-unsur kreativiti iaitu pancaindera bagi mengumpul maklumat, akal dan perasaan bagi menilai maklumat, dan tenaga bagi menghasilkan sesuatu daripada maklumat yang dinilai. Dengan kreativiti itu, manusia merangka pembangunan, mewujudkan kemaslahatan dan mencari jalan mengelakkan kemudharatan sehingga lahirnya suatu tahap yang dipanggil tamadun.

#### **4. Persaingan Manusia**

Kehendak manusia tidak pernah terbatas. Peningkatan usia, perubahan psikologi dan perubahan cara hidup adalah antara faktor yang mempengaruhi kehendak manusia yang tidak terbatas itu. Namun begitu, dalam memenuhi kehendak itu manusia terpaksa berhadapan dengan dua batasan iaitu, pertama batasan keupayaan diri yang dimiliki dan kedua batasan sumber yang diperlukannya. Batasan-batasan inilah yang memerlukan manusia itu bersaing dalam usaha untuk memenuhi keperluan diri. Akhirnya persaingan ini membawa kepada suatu bentuk perkembangan yang bersifat sistematik yang diorganisasikan secara berstruktur dalam bentuk kepakaran.

#### **5. Peminjaman Kepakaran**

Oleh kerana manusia memiliki batasan keupayaan diri, maka manusia sentiasa memerlukan pertukaran bantuan dan kerjasama. Bantuan kadangkala berbentuk peminjaman sesuatu kepakaran yang tidak dimiliki oleh sesuatu kumpulan masyarakat, tetapi dimiliki oleh kumpulan masyarakat yang lain.

Rumusan daripada penulisan ini menjelaskan kepada kita bahawa manusia secara fitrahnya mempunyai ciri-ciri madani. Sekiranya ciri-ciri madani ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya maka sudah pastilah manusia itu dapat meningkatkan kemajuan tamadun secara berevolusi.

## **FAKTOR PEMBINAAN, PERKEMBANGAN DAN KEMEROSOTAN TAMADUN MANUSIA**

### 1. Pegangan kepada Agama

Faktor ini amat signifikan dengan tamadun Islam yang memang merupakan tamadun agama. Rasulullah SAW bersabda : "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang sekali-kali kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah nabi-Nya," – riwayat Malik.

### 2. Semangat Kerjasama yang Tinggi dan Rasa Kekitaan (*asabiyyah*)

Tamadun Islam adalah berpandukan kepada akidah, syariah, dan akhlak dengan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Tamadun Barat pula berdasarkan kepada ideologi dan doktrin nilai dan norma budaya tempatan.

### 3. Keselesaan Hidup dan Kemewahan

Faktor ini banyak menanamkan rasa sifat-sifat negatif seperti ego, materialistik, individualistik dan sebagainya. Dalam mengawal keselesaan hidup dan kemewahan daripada menyeleweng, tamadun Islam mewujudkan institusi zakat supaya wujud tanggungjawab keselesaan dan kemewahan merupakan hak yang tidak kekal dan mesti dikongsi bersama dengan orang lain.

### 4. Kepimpinan dan politik

Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam perkara ini sehingga membawa kepada kelahiran dan perkembangan tamadun Islam. Bentuk pemerintahan yang berasaskan agama mampu bertahan lama berbanding bentuk pemerintahan yang berasaskan pengalaman dan pengkajian manusia seperti komunisme dan sosialisme.

### 5. Ekonomi

Ekonomi yang diasaskan di atas asas dan prinsip yang baik mampu membangunkan tamadun serta memberi kesejahteraan kepada hidup manusia. Sistem ekonomi yang dapat

mengimbangi kemajuan dari sudut material dan sprituil adalah sistem ekonomi yang wujud dalam kerangka tamadun Islam.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN TAMADUN ISLAM**

Pada peringkat awal, tamadun digerakkan oleh pemikiran keagamaan atau kerohanian, kemuncak daripada itu bercantum dengan akal. Kemudian tamadun itu mula mengalami kejatuhan apabila unsur-unsur keagamaan diketepikan. Oleh kerana akal dan roh tidak dibimbing, naluri keduniaan mulai menguasai umat manusia yang kemudian kembali kepada kehidupan *badawah*. Pada peringkat awal tamadun Islam, Nabi s.a.w dan para sahabat mengembangkan asas-asas tamadun ke dalam diri generasi Islam pertama. Seterusnya generasi *tabi'* dan *tabi' tabiin* menzahirkan kepelbagaian kemajuan dan mencapai kemuncaknya di zaman Bani Abbas. Namun pada zaman selepas itu tamadun Islam mulai mengalami zaman keruntuhannya. Walau bagaimanapun tamadun tersebut tetap wujud, cuma ia berpindah ke Barat dalam bentuk yang berbeza daripada asalnya. Orang-orang Barat mempunyai identitinya sendiri. Mereka menyaring apa yang diambil dari tamadun Islam sesuai dengan budaya dan kepercayaan mereka. Dengan kata lain, tamadun Islam telah bertukar wajah kepada wajah Barat.

Esa Khalid ( 2001 ) telah membahagikan peringkat perkembangan tamadun Islam itu seperti berikut :

### 1. Sebelum kedatangan Islam

Kehidupan orang Arab Badawi dilingkungi dengan kegelapan jahiliah. Begitu juga orang Arab yang tinggal di kota-kota, kehidupan mereka tidak jauh berbeza dari aspek jahiliah. Mereka menyembah berhala, percaya kepada hal-hal khurafat, bersikap kasar, keji, berpuak-puak, runtuh moral, suka berkelahi dan berperang. Walaupun mereka berani, pemurah dan memiliki beberapa sifat terpuji, namun sifat-sifat keji lebih mendominasi kehidupan mereka. Sebelum kedatangan Islam, bukan sahaja di Jazirah Arab, malah boleh dikatakan seluruh dunia dicengkam oleh kegelapan jahiliah. Rom dan Parsi mengamalkan dasar-dasar kebiadaban. Nilai-nilai kemanusiaan runtuh sama sekali.

Dalam suasana yang penuh dengan kucar kacir itu, muncullah Rasulullah s.a.w diutuskan kepada umat manusia demi menyelamatkan keruntuhan peradaban manusia dalam segenap aspek kehidupan mereka.

## 2. Zaman Rasulullah s.a.w

Masyarakat jahiliah yang dahulunya biadab serta merta bertukar menjadi bertamadun. Rasulullah s.a.w bangkit walaupun menghadapi pelbagai tribulasi dan mehnah dakwah perjuangan baginda. Apabila Nabi s.a.w, diutuskan kawasan yang dahulunya menjadi pusat kegemilangan tamadun, kini menempa sejarah kegemilangannya kembali. Risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w telah memberikan suatu inspirasi baru kepada masyarakat Arab yang dahulunya dikenali sebagai masyarakat Jahiliah.

Islamlah yang telah mengubah cara kehidupan orang Arab daripada mengamalkan kebudayaan jahiliah kepada suatu kehidupan yang lebih bertamadun. Zaman Rasulullah s.a.w adalah zaman asas dalam pembentukan tamadun Islam. Pada peringkat awal Rasulullah telah membina keperibadian umat Islam melalui asas akidah yang kukuh. Bertitiktolak daripada itulah masyarakat dan kebudayaan Islam dilebarkan sayapnya keseluruh pelusuk tanah Arab. Peradaban Islam ini kemudiannya diteruskan oleh para sahabat baginda yang dikenali dengan zaman *Khulafa' Al-Rasyidin*.

## 3. Zaman Khulafa' Al-Rasyidin ( 632-661 Masihi )

Semangat untuk mengembangkan dakwah Islam telah diteruskan oleh pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin terutamanya di zaman khalifah Umar yang telah melebarkan sayap Islam meliputi Palestin, Syria, Iraq, Parsi dan Mesir. Dikatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Islam di zaman khulafa' Al-Rasyidin adalah seperti berikut :

- a. Islam mengandungi ajaran-ajaran dasar yang bukan hanya mementingkan hidup di dunia malah hidup di akhirat.
- b. Bangsa Arab adalah satu bangsa yang gemar berperang dan berani mati seperti

yang berlaku di zaman jahiliah sebelum Islam. Oleh itu kesepaduan iman dan semangat berani yang ada pada mereka membangkitkan semangat untuk mengalahkan Bizantin/ Rom dan Parsi yang merupakan dua kuasa dunia ketika itu.

- c. Bizantin/Rom dan Parsi menghadapi kelemahan sama ada akibat peperangan antara kedua-duanya ataupun kerana faktor-faktor dalaman. Di Bizantin terdapat pertentangan mazhab-mazhab agama. Sementara di Parsi pula terdapat perebutan kuasa pemerintahan antara anak-anak raja. Hal ini menyebabkan kucar-kacir dalam kerajaan. Rakyat mereka juga hilang kepercayaan kepada pemerintah.
- d. Islam datang ke kawasan-kawasan mereka dengan tidak memaksa rakyat. Para mujahid Islam berhati terbuka, bersopan santun yang mana ciri-ciri ini telah menarik hati orang-orang yang kehausan kepada keamanan dan kesejahteraan untuk memeluk Islam.
- e. Kawasan-kawasan Syria, Palestin dan Mesir mempunyai hubungan keturunan bangsa yang sama, iaitu Sami di Palestin dan Syria, juga Hami di Mesir dibandingkan dengan bangsa Rom yang memerintah mereka.
- f. Wujudnya sumber pembiayaan peperangan. Negeri-negeri yang dikuasai adalah kaya dengan hasil mahsulnya menyebabkan perkembangan Islam menjadi lebih mudah dalam pembiayaan peperangan.

Natijah daripada itu wujudlah pertembungan budaya, interaksi yang pelbagai antara suku-suku bangsa. Variasi kebudayaan dan tamadun kini mengalami suatu pertembungan yang tidak dapat dielakkan. Inilah detik awal yang menyemarakkan pertumbuhan tamadun Islam.

#### 4. Bani Umaiyyah ( 661-743 Masihi )

Perluasan wilayah diteruskan oleh kerajaan Bani Umaiyyah. Kawasan-kawasan di bawah takluknya ialah Tunis, Khurasan, Oqus, Afghanistan, Kabul, Konstantinopel, Balkh,

Bukhara, Khawarizm, Ferghana, Samarkand, India, Balukhistan, Sind, Punjab, Multan, Moroko ( di Timur ), Gibraltar, Toledo, Seville, Malaga, Elvira, Cordova ( di Sepanyol ), Bordeau dan Poitiers ( di Perancis ). Pulau-pulau di laut tengah Majorca, Corsica, Sardinia, Crete, Rhodes, Cyprus dan sebahagian Sicili.

Bahasa pentadbiran negara telah ditukar dari bahasa Yunani dan Pahlawi ( Parsi ) ke bahasa Arab yang dimulai oleh 'Abd al-Malik ibn Marwan. Penduduk yang bukan berbangsa Arab telah mulai berbahasa Arab malah mereka sangat berminat dengan bahasa Arab. Oleh itu, muncullah penyanyi-penyanyi dan penyair-penyair. Selain menjadi bahasa pentadbiran negara, bahasa Arab menjadi bahasa ilmu pengetahuan.

##### 5. Bani Abbasiyyah ( 750-1258 Masihi )

Pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah, penaklukan kawasan-kawasan kelihatannya tidak mendapat perhatian serius. Mereka lebih memberikan tumpuan terhadap pentadbiran negara selain memperkukuhkan politik, ekonomi dan mengeratkan hubungan dengan negara-negara jiran. Oleh kerana wujud keamanan dan kekuatan politik serta ekonomi yang mantap, maka bidang kebudayaan dan tamadun muncul dengan pesat. Pada masa inilah perhatian kepada ilmu pengetahuan dan falsafah Yunani memuncak terutama pada zaman Harun Al-Rasyid dan al-Makmun. Buku-buku falsafah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Gerakan penterjemahan dan pengkajian ilmu pengetahuan diperhebatkan sehinggakan kota Baghdad menjadi tempat tumpuan para ilmuan dari segenap pelosok dunia. Kegemilangan tamadun Islam ini sampai ke puncaknya pada zaman pemerintahan khalifah al-Rasyid dan al-Makmun. Antara integrasi yang terjadi di zaman ini ialah integrasi dalam bidang bahasa. Pada waktu Bani Umaiyyah memerintah bahasa Arab digunakan hanyalah pada peringkat permulaan. Tidak kesemua daerah-daerah yang berada di bawah naungan Islam menggunakannya. Tetapi apabila Bani Abbasiyyah berkuasa, bahasa Arab secara rasminya menjadi bahasa negara. Bahasa Arab menjadi bahasa pentadbiran di seluruh daerah. Bahasa Arab juga menjadi bahasa ilmu pengetahuan falsafah dan diplomasi.

## **PENGENALAN FALSAFAH**

Istilah ‘Falsafah ‘ bukan dari bahasa Arab. Sebelum kedatangan Islam, orang-orang Arab tidak mempunyai falsafah, walaupun mereka mempunyai hikmah dan hukama yang bererti bijaksana dan bijaksawan. Sebenarnya falsafah merupakan suatu bentuk ilmu pengetahuan yang hanya dicipta oleh orang-orang Yunani dahulu kala. Said al-Andalusia dalam abad ke 10 telah membahaskan perkara ini dalam bukunya yang dikenali di dunia barat sebagai *Classes of the Nations*.

Al-Farabi, salah seorang ahli falsafah Islam yang terbesar mengarang sebuah analisa daripada perkataan falsafah ini. Beliau mengatakan bahawa istilah falsafah diambil daripada perkataan ‘Philosophia’ yang kemudiannya dihuraikan sebagai ‘Philo’ yang bererti Pencinta, dan Sophia yang beerti bijaksana. Lantas itu menurut al-Farabi, falsafah membawa maksud Pencinta Bijaksana.

Plato (427-348SM) pula mengatakan bahawa falsafah itu semacam ilmu pengetahuan yang ingin hendak mencari dan mencapai hakikat kebenaran yang asli.

Drs Sidi Gazalba dalam bukunya *Sistematika Filsafat* menterjemahkan perkataan ‘Philosophia’ sebagai ‘Cinta kepada pengetahuan Bijaksana’. Pengetahuan bijaksana memberi kebenaran. Tentang mencari kebenaran adalah tingkahlaku pada diri filasof dan kebenaran yang dicari bukanlah kebenaran berkeping-keping tapi kebenaran yang umum, yang universal, kerana itu suatu falsafah dapat juga dikatakan sistem kebenaran sesuatu.

## **PENGERTIAN FALSAFAH**

- As-Syaibani (1979) ‘Falsafah’ itu berasal dari bahasa Yunani kuno dan dalam pengertian yang bebas bermaksud ‘ cintakan Hikmah’ dan ahli-ahli falsafah merupakan orang yang mencintai kebenaran atau hikmah di samping berusaha bagi mendapatkannya.

- Yaljin (1991) menegaskan bahawa falsafah ialah usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah manusia dan kemanusiaan dan masyarakat
- Setiap definisi yang diberikan sebenarnya hanya mencerminkan pandangan *hakikat* (budaya) individu yang mendefinisikannya (Rendall & Buchler 1970).
- *Philosophia* (Yunani kuno) *cinta kepada kebijaksanaan atau hikmah*.
- Falsafah bukanlah hikmah itu sendiri, tetapi cinta terhadap hikmah dan berusaha untuk mendapatkannya.

*philos* – suka, cinta *sophia* - kebijaksanaan, hikmah

Jadi, seorang *filosof* adalah seorang yang cinta kepada kebijaksanaan atau hikmah.

## PERSOALAN FALSAFAH

Persoalan falsafah ataupun masalah falsafah ialah topik yang dibincangkan dalam bidang falsafah. Ia boleh diibaratkan sebagai isi dalam falsafah. Persoalan falsafah sentiasanya disifatkan sebagai soalan yang sangat rumit, dan ia memerlukan pemikiran yang bersungguh-sungguh. Sesuatu soalan itu akan menjadi persoalan falsafah apabila soalan itu tidak dapat diselesaikan melalui kaedah pengamatan ataupun kaedah sains. Biasanya, persoalan falsafah akan melibatkan persoalan tentang konsep, ideologi, dan juga pekarapekara lain yang abstrak. Contoh-contoh persoalan falsafah adalah seperti di bawah:

- "Apakah kebenaran?"
- "Apakah Pemikiran?"
- "Apakah ilmu pengetahuan?"
- "Apakah cantik?"
- "Apakah Kehidupan?"

Bidang falsafah memberikan nilai yang tinggi kepada soalan yang baik, yakni soalan yang mempunyai nilai kefalsafahan. Ini adalah kerana **soalan yang baik menjanjikan jawaban yang baik**. Contohnya, soalan epistemologi yang ditanyakan pada zaman dulu-

dulu seperti "apakah kebenaran?, apakah ilmu pengetahuan?" sebenarnya telah memajukan sains dan teknologi manusia.

## **PERKEMBANGAN ILMU FALSAFAH**

Sebelum falsafah Yunani lahir, orang-orang Arab telah mempelajari kosmos telah menyembah matahari dan bulan. Oleh yang demikian tidaklah tepat kalau dikatakan bahawa sejarah pertumbuhan falsafah dimulai dari pertumbuhan Yunani.

Kelebihan Yunani hanya kerana catatan, kerana mereka telah mengetahui huruf. Karangan-karangan mereka ini kemudian telah dipelajari oleh orang-orang Arab sesudah mengenal huruf dalam zaman Islam, dipelihara dan disalin ke dalam bahasa Arab, dibahas dan diperbaiki.

Kemajuan falsafah Yunani seperti yang dikemukakan oleh Aristotles, Plato dan kemudian dikembangkan oleh golongan Platonisme, baru sedikit sebanyak memberi kesan kepada perkembangan falsafah Islam. Falsafah Yunani itu juga mempengaruhi golongan Falsafah Islam seperti al-Farabi, Ibnu Sina, Ghazali dan Ibnu Rusd dan falsafah barat iaitu Bacon, Descartes, Spinoza dan Kant.

Timbulnya falsafah buat pertama kalinya hanya dapat diketahui dari permulaan orang-orang yang menamakan dirinya golongan sophia. Pada tahun 400-500 SM, muncullah Socrates (322-384SM), seorang tokoh bijak pandai Yunani yang amat berminat dalam bidang falsafah ini. Kemudian ia dikembangkan oleh Aristoteles (357-427SM).

Kira-kira 1122 tahun lamanya tidak muncul filosof baru dan bidang ini ditinggalkan begitu sahaja. Jarak ini merupakan satu tragedi dalam sejarah perjalanan ilmu falsafah di Eropah. Setelah al-Kindi lahir pada (801M) barulah muncul perbicaraan falsafah kembali, beliau mempelajari falsafah dari buku-buku Yunani iaitu karangan Aristoteles dan Plato yang pada mulanya diterjemahkan dalam bahasa Arab.

Baghdad yang menjadi ibu kota negara Abasiyyah menjadi tempat tumpah ruahnya kekayaan dari Barat dan Timur. Khalifah-khalifahnya berusaha menghidupkan ilmu dan kebudayaan sekuat tenaga mereka. Mereka menghimpunkan orang cerdik pandai dan mengadakan pertemuan-pertemuan yang bersifat ilmu dan kebudayaan. Di kota Baghdad inilah falsafah mencapai tahap perkembangan yang tinggi.

Pada waktu itu inilah cerdik pandai diberikan kebebasan seluasnya mengembangkan daya fikiran mereka. Dua buah ilmu yang muncul ketika itu ialah ilmu berdasarkan agama dan yang berdasarkan ratio (nisbah). Kedua-dua ilmu ini menyatakan dirinya berdiri atas akal.

Ilmu falsafah berkembang pesat dalam dunia Islam sehingga abad ke-12. Pada abad ke-12 inilah ilmu falsafah ini terhenti dan menjadi serangan dari golongan fikah mengatakan filosof-filosof sebagai orang yang mulhid atau atheis. Sehingga akhir abad ke-12 hilanglah ilmu falsafah dari kebudayaan Islam.

Al-Ghazali dalam usahanya untuk menentang falsafah Ibnu Rusyd, telah mengarang buku 'Tahafut al-falasifah' yang bermaksud kehancuran Filosof. Buku ini disambut oleh Ibnu Rusyd dengan sebuah buku 'Tahafut-el tahafut' bermaksud 'hancurlah penghancur'. Dalam buku ini Ibnu Rusyd telah menjelaskan Al-Ghazali telah salah faham tentang pengertian falsafah dan betapa salah fahamnya tentang pokok-pokok pelajaran falsafah itu. Kedua-duanya bertempur secara aktif dalam fikiran umat Islam. Akhirnya Imam Al-Ghazali menjadi pemenang.

Mulai dari sinilah berakhirnya kegiatan dunia Islam dalam falsafah dan berhentilah kebebasan berfikir. Di timur, falsafah menjadi suatu yang terlarang dan nama Ibnu Rusyd menjadi momokan yang menakutkan. Berlainan di Barat ada satu daerah di Sepanyol mendukung Ibnu Rusyd.

Tahafut Al-Ghazali bukan sahaja di sokong oleh dunia Islam tetapi sebahagian umat gereja di Eropah juga bagi usaha menentang golongan freethinkers yang dipelopori oleh Abelard dan beliau telah mendokong segenap segi kekuatan falsafah Ibnu Rusyd. Yang

disebut Averoesism. Averoesism ini telah tumbuh segar di Eropah kerana telah dipelihara dan disebar oleh The Great Salon of the French di Paris.

Di samping itu di dunia Islam, yakni di Baghdad, pihak mongol telah membuat serangan yang hebat sehinggakan lebih dua juta buku telah dilemparkan ke dalam Sungai Tigris. Lanjutan pusat perkembangan falsafah telah berkembang ke Kaherah.

Walau bagaimanapun , pada pertengahan abad ke-13 seluruh buku falsafah Ibnu Rusyd telah diterjemahkan dalam bahasa Latin dan telah dipakai oleh pelbagai sekolah tinggi di Eropah terutama di Eropah Barat.

Di samping itu di Asia barat telah menjadi kenyataan bahawa sampai ke penghujung abad ke -19 di universiti al- Azhar, orang tidak berani mengajar atau belajar falsafah dan logika. Tapi Muhammad Abduh, seorang ahli fikir Islam yang ternama telah membuka pelajaran yang terlarang , tetapi usaha ini bukan mudah kerana beliau menghadapi kekurangan buku-buku falsafah, yang telah banyak hilang dan yang tinggal masih belum bercetak.

Sumbangan Syekh Muhammad Abduh telah menyumbang perubahan dalam kehidupan sosial dan rohani bagi negaranya. Bahkan pengaruhnya telah diikuti juga di Syria, Turki, Afrika Utara, Iran, India, Pakistan dan juga Tanah Melayu .

## **BIDANG-BIDANG FALSAFAH**

Sejarah tumbuhnya falsafah telah melahirkan takrif mengenai pengetahuan dalam bidang-bidang falsafah:

- Aristotles membahagikan falsafah kepada : ilmu metafizik, logika, retorika, etika, ekonomi, politik dan estetika.
- Dr Omar Amin Hoesin telah membahagikan falsafah kepada: ilmu kosmologia, ada umum dan khusus, antropologia, etika dan logika.

- Tan Sri Prof Abdul Jalil Hassan cabang-cabang falsafah kepada: Falsafah Insaniyah (Kemanusiaan); meliputi ilmu akhlak, ilmu mantik dan ilmu dan Falsafah Latar Tabiat; meliputi ilmu tabiat, ilmu jiwa akal, dan ilmu ilahiyah.
- Prof Mahmud Muhammad Al-Hudzri ilmu falsafah sekarang terbahagi kepada: Ilmu mantik, ilmu falsafah Tabiat, ilmu Jiwa, ilmu akhlak, ilmu keindahan, ilmu pergaulan masyarakat, ilmu falsafah agama dan ilmu falsafah sejarah .

Setelah dilihat beberapa pembahagian ilmu oleh beberapa tokoh tadi maka jelas kepada kita bahawa bidang pengkajian ilmu falsafah amat luas, tetapi yang umum dibicarakan ialah ilmu teologi, etika, mantik, estetika , metafizik, psikologi dan kosmologia. Jadi tumpuan bidang hanya ilmu sahaja di bincangkan.

### ***Ilmu Teologi***

Istilah teologi dari perkataan ‘Theos’ (Yunani) bermaksud Tuhan dan ‘Logos membawa maksud ilmu. Jadi ilmu Teologi di sini bermakna ilmu tentang tuhan atau ilmu ketuhanan. Menurut Forgilisu Ferm , teologi ialah pemikiran sistematik yang berhubung dengan alam semesta. Dalam New English Dictionary pula oleh Collins, Teologi ialah ilmu yang membahaskan fakta-fakta dan gejala-gejala agama dan hubungan anantara tuhan dan manusia.

Dari sudut Islam, ilmu teologi bertujuan untuk memantapkan kepercayaan-kepercayaan tersebut dengan menghilangkan bermacam-macam keraguan. Dengan lain perkataan, tujuan ilmu teologi ialah mengangkat kepada seseorang dari lemah taklid kepada puncak keyakinan.

### ***Ilmu Etika***

Ilmu Etika ialah ilmu teori tingkahlaku manusia dipandang dari sudut baik dan buruknya, sejauhmana dapat ditentukan oleh akal. Etika ialah Ethos(Yunani) yang beerti adat kebiasaan. Dalam Bahasa Latin Ethos disebut Mores yang berasal dari kata moral sekarang berbeza dengan pengertian etika.

Moral lebih sesuai dengan idea-idea umum diterima tentang tindakan manusia, mana yang baik dan wajar, berhubung dengan etika. Etika pula lebih bersifat teori dan ia menyelidiki, memikir dan mempertimbangkan tentang baik dan yang buruk.

Ilmu etika menurut Islam dibentuk oleh rukun Islam dan rukun iman melalui proses ihsan, ikhlas dan takwa. Sebagai ilmu, etika mencari kebenaran tentang tingkahlaku manusia sebagai falsafah pula ia mencari keterangan sedalam-dalamnya kebenaran itu.

### ***Ilmu Estetika***

Menurut Aristotles estetika merupakan konsep keindahan dalam sastera terutama puisi. Filosof Jerman mendefinisikan estetika pula sebagai teori tentang keindahan dan seni. Menyentuh tentang hakikat seni ia bertujuan untuk membersihkan perasaan.

### ***Ilmu Mantik(Logika)***

Istilah Logika berasal dari kata Logos (Yunani) beerti kata atau fikiran. Dengan lain perkataan logika adalah ilmu yang benar atau ilmu berfikir benar.. Kebenaran adalah syarat bagi tindakan untuk mencapai tujuan bagi laku perbuatan mewujudkan nilai.

### ***Ilmu Metafizika***

Ibnu Sina mengupas masalah ketuhanan dengan menggunakan ilmu logika, tuhan itu sempurna dan ianya merupakan akal murni yang mengetahui dirinya.

Aristoles menamakan ilmu metafizik sebagai ilmu agama sebab tuhan adalah wujud.

Ibnu Rusyd ilmu metafizika ada dua perkara iaitu Ontologi (ilmu makhluk dan hakikatnya) dan epistemologi (falsafah makrifat ).

### ***Ilmu Kosmologi***

Kosmologi mengkaji hal yang berhubung dengan alam. Melalui ilmu kosmologi dipelajari sebenarnya alam ini betapa hubungannya dengan kejadiannya :Surah Baqarah ayat 164:

Dari ayat ini nyata tuhan menyuruh mempelajari kosmos dan kekuatannya sehingga dapat mengambil kesimpulan bahawa Allah yang maha mentadbir.

## **BIDANG-BIDANG FALSAFAH ISLAM**

Falsafah Islam dilihat dari sudut sebenarnya merangkumi :

- Falsafah Islam Kalamiyah Islamik (Theological Thought)
- Falsafah Islam Masyaiyah Islamik (Peripatetic Philosophy)
- Tasawuf (Sufisme)
- Usul Fiqh

### ***Falsafah Islam Kalamiyah***

Falsafah ini lebih dikenali dengan Ilmu kalam. Selain itu gelaran lain bagi falsafah ini seperti : Ilmu Tauhid dan sifat, ilmu usuluddin dan ilmu istidlal dan Nazar

Gelaran dengan *Ilmu Tauhid dan sifat* ialah kerana masalah yang pokok pengkajian ilmu ini adalah keesaan ‘wahdaniyah’ dan masalah sifat kesempurnaan yang layak dengan keesaan Allah.

Gelaran *Ilmu Usuluddin* ialah kerana perkara dan bidang pengkajiannya ialah ‘aqidah keimanan. Inilah menjadi pokok atau teras dalam agama. Maka gelaran yang menepati pokok atau bidang kajian ialah ilmu usuluddin (pokok agama).

Digelarkan *Ilmu Istidlal (Pendalilan) dan Nazar (Pemikiran)* ialah kerana ilmu ini mengkaji tentang aqidah dan kepercayaan terpaksa menggunakan dalil pembuktian. Untuk mengemukakan dalil pembuktian dan mengisbatkan kebenaran aqidah itu terpaksa menggunakan pemikiran.

### ***Falsafah Islam Masyaiyyah (peripatetic)***

Falsafah ini merupakan aliran falsafah Islam ala Yunani, seperti yang dikemukakan oleh al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Tufaiyl, Ibnu Bajjah dan Ibnu Rusyd. Falsafah yang dikemukakan oleh mereka adalah falsafah yang berasaskan falsafah Yunani secara khusus falsafah Aristotalisme, platonisme dan New-platonisme. Dari segi isi atau jauharnya tidak ada perbezaan antara apa yang ada pada Yunani dan yang ada dalam falsafah ini kerana falsafah ini dianggap menjadi penyambung dan pewaris falsafah Yunani dan roh tamadunya.

### ***Tasawuf (Sufisme)***

Ilmu Tasawuf merupakan salah satu daripada pecahan atau cabang ilmu kepada ilmu falsafah Islam. Beberapa pendapat mengenai perkataan Tasawuf

1. Berasal perkataan ahli Suffah yang ada pada zaman Nabi.
2. Berasal dari perkataan al-Safa' yang bermaksud suci bersih
3. Berasal dari perkataan Saf iaitu yang bermaksud barisan pertama berhubung dengan Allah.
4. Berasal daripada perkataan Suf yang bermaksud bulu, ini kerana ahli tasawuf selalu suka memakai baju bulu yang kasar dan murah. Dimana mereka tidak mementingkan pakaian yang halus dan lembut.

Bermula abad ke-2 hijrah mulai timbul golongan yang di kenali dengan sufi atau mutawassifah dan sebelumnya tidak terkenal. Hal tersebut kerana pada masa itu telah ramai umat Islam yang terpengaruh dengan hidup kebendaan dan dunia dan maksiat. Justeru itu, untuk membantah dan membangkang kepada gejala itu maka lahirlah beberapa golongan Islam mengadakan kumpulan untuk hidup dalam serba sederhana dan redha., zuhud dan beribadat penuh kepada Allah, namun mereka juga masih tidak menyalahi syariat Islam.

### ***Falsafah Islam Usuliyah (Usul Fiqh)***

Ilmu ini merupakan metod ilmiah atau merupakan logik ahli-ahli fiqh sebagaimana falsafah dan ahli falsafah mempunyai logik sendiri. Logik fiqh ini berbeza sekali dengan logik Yunani atau logic Aristotles. Kerana ia tidak mengandungi bahasan metafizik. Oleh itu ilmu ini menepati dengan keperluan hidup umat Islam dalam gerak amalan seharian. Ilmu Usul fiqh telah mendapat perhatian sejak zaman awal Islam. Para sahabat telah meletakkan perhatian sejak asas-asas melalui perbincangan mereka tentang kritikan hadis dan tentang qias. Dengan kaedah yang digunakan di dalam Islam telah menghasilkan pemikiran logik dan telah menemui 'Experimental Method' yang telah dikenali di Barat menjadi panduan dalam membina tamadunnya. Walaubagaimanapun kemasukan ilmu Usul Fiqh dalam bidang falsafah masih belum diterima oleh ramai pihak.

## **PERTENTANGAN DALAM FALSAFAH BARAT**

Walaupun Socrates, Plato , Aristotles, Descartes dan para tokoh falsafah pada setiap peringkat sejarahnya telah melaungkan bahawa ‘Kebenaran yang Yakin’ itulah tanda yang sebenarnya kepada pengertian falsafah, dan itulah juga yang menjadi buruan setiap ahli falsafah, tetapi dimanakah ‘Kebenaran yang Yakin’ itu tadi boleh didapati dari pertentangan dalam pengertian falsafah zaman moden.

Gejala-gejala pertentangan didedahkan oleh beberapa penulis sejarah falsafah dari barat sendiri seperti C. Wulf, professor di university London dalam bukunya : Falsafah Moden dan Lainnya,1936; Oswal Kulpe, professor di beberapa universiti German dalam bukunya *Pengantar ilmu Falsafah*, 1952, J.Dewey dalam bukunya *Mencari Keyakinan*, demikian juga dari beberapa penulis sejarah falsafah dari timur seperti Dr. Ahmad Amin, Dr Naguib Mahfuz, Dr. Taufiq Tawil dan Prof Yusof karam dalam bukunya *Sejarah Falsafah Moden*.

Prof Yusof Karam telah mencatatkan bahawa; Kurun ke 16 merupakan suatu kurun yang penuh dengan penentangan, percanggahan dan kesimpangan siuran dalam pemikiran, hilang peraturan dan disiplin, putus ikatan agama dan pertalian kekeluargaan serta perhubungan sosial; fanatik perkauman yang menjadi punca peperangan kerana menjaga kepentingan-kepentingan golongan agama dan politik. Perkara yang menjadi tegahan biasa telah menjadi harus dan halal demi keselamatan raja dan pemerintah. Ini adalah antara keistimewaan falsafah moden yang dapat dikembalikan dengan dua sebab: Sikap egoisme yang melampaui batas sama ada dalam bidang kesusasteraan, agama ataupun bidang politik. Kedua ialah pemusatan yang berlebihan kepada Sains atau ilmu alat serta usaha memperaktikkannya untuk kemewahan hidup dan keseronokkan.

## SUMBANGAN FALSAFAH DAN PEMIKIRAN

1. Dalam bidang **falsafah dan pemikiran**, daripada pengaruh Islam, idea falsafah *Ibn Rushd* telah mempengaruhi ahli falsafah Eropah sejak abad ke-12M lagi. Pada abad ke-16M, falsafah Ibn Rushd, menurut Renan, telah diamalkan secara rasmi oleh golongan terpelajar di Itali.

2. Hanya dalam bidang falsafah para cendekiawan dilarang mengemukakan idea-idea bukan ortodoks. Bagaimanapun, ahli Sains Parsi, Ibnu Sina dan Ibnu Rushd memainkan peranan yang utama dalam penyimpanan karya-karya Aristotle yang idea-ideanya menguasai pemikiran bukan agama bagi dunia-dunia Kristian dan Muslim.

3. Mereka juga menyerap idea-idea dari China dan India, dan menambahkannya pada pengetahuan mereka yang luas yang diperoleh daripada kajian-kajian sendiri. Tiga orang pemikir spekulatif, al-Kindi, al-Farabi, dan Ibnu Sina, menggabungkan Aristotelianisme dan Neoplatonisme dengan idea-idea lain yang diperkenalkan melalui Islam.

4. Di Sepanyol, kesusasteraan falsafah Arab diterjemahkan kepada bahasa Ibrani, Latin, dan Ladino. Penterjemahan falsafah ini telah menyumbang kepada kemajuan falsafah Eropah moden. Tokoh-tokoh utama dalam Zaman Keemasan termasuk:

- Moses Maimonides, ahli falsafah Yahudi;
- Ibnu Khaldun, ahli sosiologi serta sejarah;
- Constantine si Orang Afrika, warganegara Carthage yang menterjemahkan teks-teks perubatan Yunani;

5 Greek memang terkenal sebagai pengembang ilmu falsafah di samping ilmu penulisan sejarah, sains, matematik, dan perubatan. Dalam bidang falsafah, falsafah Greek wujud lebih awal dari falsafah Islam. Zaman keemasan Greek telah menyaksikan kebangkitan ahli falsafah yang dipanggil 'sophist'/sofis (orang bijak pandai). Mereka mengembara dari kota ke kota mengajar falsafah, matematik, bahasa dan astronomi kepada murid yang

sanggup membayar. Ahli-ahli sofis ini menggerakkan orang bijak pada zamannya dan mengkaji masalah-masalah hidup dengan lebih rasional.

6. Ahli-Ahli Sofis ini mengajar manusia supaya jangan menerima sahaja tetapi hendaklah mengkritik dan menyoal tentang idea-idea dan institusi sosial atau politik dan menyelidik serta menganalisis tabiat manusia. Socrates yang hidup pada zaman Pericles merupakan seorang ahli falsafah Greek yang terkenal di dunia. Karya-karya falsafah dan kerajaan seperti 'Republic' oleh Plato dan 'Politics' oleh Aristotle masih dikaji hingga ke hari ini. Pericles merupakan pemerintah Greek yang terkenal dengan usaha-usahanya memajukan bidang falsafah..

7. Rom juga memberi perhatian terhadap ilmu falsafah. Ini terbukti dengan adanya ajaran Stoisisme Zeno yang diasaskan oleh ahli falsafah Yunani yang bernama Zeno ( Zeno sebenarnya berasal dari keturunan Phonesia. Beliau mengajar di Stoa atau Porch di Athens dan pengikutnya dipanggil orang Stoik.)

8. Di China pula, falsafah tamadun awal China dipengaruhi pertukaran musim (Yin dan Yang). China juga tidak ketinggalan dengan kemunculan ahli-ahli falsafah. Di antara yang terkenal ialah Confucius dan Lao Tzu telah memperkembangkan faham Confucianisme dan Taoisme pada zaman Dinasti Han. Confucianisme telah dijadikan agama rasmi Empayar Han. Karya-karya ahli falsafah Confucius menjadi bahan kajian utama di sekolah-sekolah pada zaman Han. Ia juga menjadi asas kepada Peperiksaan Perkhidmatan Awam untuk memilih pegawai-pegawai baru. Pengaruh Cocnfucius meluas hingga menghasilkan sekumpulan bijak pandai yang sangat berpengaruh dalam bidang pentadbiran.

9. Di India, Buddha dianggap sebagai ahli falsafah. Ajarannya berkembang pesat semasa pemerintahan Asoka dan telah meluas hingga ke China.

## **ISLAM HADHARI DAN FALSAFAH PEMBANGUNAN**

Islam adalah agama yang syumul (komprehensif) yang mengambil perhatian dalam semua aspek kehidupan manusia. Pembangunan Islam meletakkan manusia sebagai paksi utama, tidak seperti pembangunan model Barat yang menjadikan ekonomi sebagai fokus.

Islam adalah agama yang komprehensif merangkumi semua aspek kehidupan, tidak dibatasi oleh perbezaan bangsa atau kaum, kewarganegaraan atau warna kulit. Islam berasaskan kepada pengiktiran Tuhan yang satu dan juga kepatuhan manusia kepada iradah (kemahuan) dan Hidayah (Petunjuk). Oleh itu, misi utama di atas muka bumi ini ialah mengabdikan diri kepada Tuhan. Ibadah dalam Islam merangkumi aspek kerohanian dan aspek fizikal selagi selaras dengan peraturan Allah s.w.t. Pembangunan kerohanian dan material tidak boleh dipisahkan.

## **ASAS FALSAFAH PEMBANGUNAN ISLAM**

Asas falsafah pembangunan Islam Mengandungi lima unsur –unsur penting iaitu: *Tawheed uluhiyyah, tawheed Rububiyah, khilafah, tazkiyah an-nafs dan al-falah.*

### *1. Tawheed Uluhiyyah*

*Tawheed Uluhiyyah* bermaksud kepercayaan bahawa Tuhan itu Esa dan seluruh semesta alam ini adalah hak kepunyaanNya. Dalam hubungan ini, alam adalah ciptaan Allah s.w.t dan kewujudannya bukan berlaku dengan kebetulan : Surah al-Imran : 191

Setiap yang dicipta mempunyai tujuan dan matlamat. Inilah yang memberi maksud dan kepentingan kewujudan di alam maya ini, dan manusia adalah sebahagian daripada alam ini.

### *Tawheed Rububiyah*

*Tawheed Rububiyah* ialah keercayaan bahawa Tuhan sahajalah yang menentukan rezeki kepada manusia dan membimbing orang-orang yang beriman kepadaNYa kearah kejayaan. Dalam usaha pembangunan , manusia perlu menyedari bahawa mereka wajib berusaha dan berserah (berdoa) kepada Tuhan uantuk mencapai matlamat pembangunan.

### *Khilafah*

Manusia adalah khalifah atau duta Allah s.w.t di atas muka ini ; Surah al-Baqarah:30  
Manusia telah dianugerahkan oleh Tuhan dengan semua ciri-ciri kerohanian dan mental, disamping sumber-sumber material untuk membolehkan manusia untuk melaksanakan tugas dengan berkesan.

### *Tazkiyatun al- Nafsi*

*Tazkiyatun al- Nafsi* merujuk kepada pertumbuhan dan pembersihan jiwa manusia sebagai langkah awal yang penting sebelum manusia mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah. Manusia merupakan agen perubahan dan pembangunan *Tazkiyatun al-Nafsi* melibatkan proses penyucian dinamik yang perlu dilakukan setiap orang Islam sekira mahu berada dalam keadaan Islam yang tetap. Menurut Imam al-Ghazali, *Tazkiyatun al- Nafsi* mempunyai tujuh unsur yang penting:

***Pertama: Taharah*** ; menyucikan badan daripada najis dan kotoran, menyucikan anggota badan daripada perbuatan salah dan dosa, menyucikan hati daripada akhlak yang buruk, menyucikan batin daripada tertumpu kepada perkara selain daripada Allah.

***Kedua : Ibadah*** ; Menghambakan diri kepada Allah s.w.t.

***Ketiga: Zikir*** ; Mengingati Allah sepanjang masa.

***Keempat: Doa***; memohon kepada Allah.

***Kelima: Taubah*** ; Mendapat keampunan Allah

***Keenam: Sabar*** ; Memupuk semangat kesabaran

***Ketujuh: Muhasabah***; Menghitung dan mengkritik diri.

### *Al-Falah*

*Al-falah* merupakan konsep kejayaan dalam Islam dimana kejayaan yang dicapai di dunia akan menyumbang kepada kejayaan di Akhirat selagi kejayaan di dunia ini dicapai menerusi usaha yang tidak bertentangan antara kepentingan dunia dan akhirat.

## **PENGENALAN TOKOH FALSAFAH**

Dunia Islam telah melahirkan ramai ahli falsafah yang hebat. Namun begitu, falsafah Islam tetap dianggap sebagai satu kelompok yang hilang dalam sejarah pemikiran manusia. Maka tidak hairanlah, sejarah lebih mengenali tokoh-tokoh falsafah Yunani dan barat jika dibandingkan dengan ahli falsafah Islam. Walaupun beberapa tokoh falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, dan Ibn Sina mendapat pengiktirafan dari Barat, tetapi mereka tidak mendapat tempat yang sewajarnya jika dibandingkan dengan ahli falsafah Yunani seperti Plato dan Aristotle. Kajian-kajian mengenai tokoh berkenaan masih belum memadai dan jauh daripada memuaskan.

Walaupun para sarjana, ilmuwan, dan ahli falsafah Islam telah menghasilkan sejumlah karya-karya yang besar tetapi kebanyakan tulisan mereka belum diterjemahkan. Tidak kurang juga yang musnah disebabkan oleh peperangan dan penaklukan yang dilakukan oleh kuasa asing. Malahan kajian yang dibuat terhadap pemikiran falsafah beberapa tokoh terkenal seperti Ibnu Rusyd tidak diberikan penilaian yang adil. Kajian dan terjemahan yang dibuat oleh S.Van den Berg terhadap kitab "Lima Baida al-Thaan", tulisan Ibnu Rusyd mengenai metafizik misalnya tidak mendapat sorotan yang meluas wahal kajian tersebut dapat membantu kita memahami dan mendekati pemikiran ahli falsafah itu dengan lebih mendalam lagi.

Dan di dalam kertas kerja ini, penulis akan mengangkat beberapa tokoh-tokoh ilmuwan falsafah.

## **Ibn Ishaq Al-Kindi**

Tokoh Abu Yusuf Yaqub Ibn Ishaq Al-Khindi atau juga dikenali sebagai *Al-Khindi* (801-873). al-Kindi dilahirkan di Kufa, pusat pengajian dunia belajar di suatu masa. Bapanya adalah gabenor Kufa, sebagaimana datuknya sebelumnya. al-Kindi merupakan keturunan suku kaum Kinda yang telah berpindah dari Yemen. Puak ini telah menyatukan sebilangan suku-suku dan mencapai kedudukan yang berkuasa pada abad-abad Kelima dan Keenam, tetapi kehilangan kuasa pada pertengahan abad Keenam.

Pendidikan al-Kindi bermula di Kufa, kemudiannya di Basrah, dan akhirnya di Baghdad. Pengetahuan tentang pembelajaran yang hebatnya tidak lama kemudian merebak, dan Khalifah al Ma'mun melantiknya di Rumah Kebijaksanaan di Baghdad, yang merupakan pusat yang baru sahaja ditubuhkan bagi penterjemahan teks-teks falsafah dan saintifik orang Yunani. (Beliau juga terkenal kerana penulisan seni khatnya yang cantik, dan pada suatu ketika pernah bekerja sebagai jurutulis kepada al Mutawakkil.)

Apabila al Ma'mun meninggal, abangnya (al Mu'tasim) menjadi Khalifah, dan al-Kindi dikekalkan dalam jawatannya, serta mengajar anak al Mu'tasim. Bagaimanapun, ketika pemerintahan al Wathiq, dan terutamanya al Mutawakkil, peluang al-Kindi' surut. Terdapat pelbagai teori-teori mengenai ini: sesetengah orang mengatakan kejatuhan al-Kindi akibat persaingan di Rumah Kebijaksanaan, yang lain pula merujuk kepada penyeksaan yang ganas oleh al Mutawakkil terhadap orang Islam yang tidak ortodoks (serta bagi bukan muslim). Malah, pada suatu ketika, al-Kindi pernah di pukul dan perpustakaanannya disita buat sementara. Beliau meninggal dalam semasa pemerintahan 873 CE bagi al M'utamid.

Al-Kindi merupakan seorang pakar dari pelbagai bidang pemikiran yang berbeza. Beliau merupakan pakar dalam muzik, falsafah, astronomi, perubatan, geografi, dan matematik. Selama hayat beliau (dan untuk kira-kira seabad selepas itu) beliau dianggap sebagai ahli falsafah Muslim dan paling besar, ada akhirnya hanya diatasi oleh nama nama hebat seperti sebagai Abu Al-Nasr Al-Farabi (*Al-*

*Pharabius*) dan *Ibn Sina (Avicenna)*. Beliau adalah dianggap sebagai ahli falsafah Arab keturunan paling agung, walaupun; sesungguhnya, beliau sering dirujuk hanyalah sebagai "ahli falsafah Arab".

Satu dari matlamat utama falsafahnya adalah untuk mengabung kesesuaian antara falsafah dan teologi alam di sebelah dan teologi spekulatif dan diwahyukan di tangan yang lain (bagaimanapun sebenarnya beliau menolak teologi spekulatif). Beliau menekankan, bagaimanapun, wahyu adalah sumber pengetahuan lebih hebat dalam sekurang-kurangnya sesetengah bidang, dan ia menjamin perkara-perkara mengenai kepercayaan yang akal pemikiran tidak boleh mendedahkannya.

Pendekatannya kepada bidang falsafah bukanlah hasil pemikiran yang asal, tetapi merangkumi penulisan Aristotelian dan (terutama) Plato baru (*neo Plato*). Bagaimanapun hasil kerjanya amat penting kerana ia memperkenalkan dan mempopularkan falsafah Yunani dikalangan cendekiawan Muslim. Kebanyakan apa yang kanan menjadi perbendaharaan kata falsafah piawai Arab berasal dari al-Kindi; sesungguhnya, jika tidak kerananya, hasil ahli falsafah seperti al Farabi, Avicenna, dan al Ghazali mungkin tidak tercapai.

Sebagai seorang doktor, al-Kindi adalah ahli farmakologi pertama untuk menentukan dan menggunakan dos ubat yang betul untuk kebanyakan daripada dadah-dadah yang terdapat pada masa itu. Sebagai satu ahli kimia yang termaju, beliau adalah seorang penentang alkimia; beliau menunjukkan kesilapan mitos yang logam asas mudah boleh diubah menjadi logam berharga seperti emas atau argentum. Dalam matematik, beliau menulis beberapa buah buku yang ditujukan khas bagi sistem nombor, dan banyak menyumbang bagi asas hisab moden. al-Kindi juga mempopularkan angka Hindu-Arabic di kalangan orang Arabs.

Al-Kindi menulis sekurang-kurangnya dua ratus lima puluh buah buku, kebanyakannya sumbangannya bagi geometri (tiga puluh dua buah buku), falsafah dan perubatan (dua puluh dua buah buku setiap satu), logik (sembilan buah buku),

dan fizik (dua belas buah buku). Pengaruhnya dalam bidang fizik, matematik, ubat, falsafah dan muzik adalah meluas dan berpanjangan selama beberapa abad. Abu Yusuf Yaqub Ibn Ishaq Al-Khindi juga aktif dalam bidang terjemahan. Beliau adalah antara penterjemah awal yang terlibat dalam menterjemahkan hasil karya dalam bidang Yunani ke dalam bahasa Arab

Kebanyakan daripada buku-bukunya, malangnya telah hilang, bagaimanapun beberapa yang terselamat dalam bentuk terjemahan Latin oleh Gherard Cremona, dan yang lain telah ditemui dalam manuskrip Arab — yang lebih penting lagi, dua puluh empat hasil kerja beliau yang hilang telah dijumpai kembali pada pertengahan abad ke dua puluh. Sebagai contoh, misalnya, satu teks yang baru ditemui Manuskrip berkenaan Nyah Diskrip Perutusan yang Diskrip, satu wacana dalam kriptologi, merangkumi kaedah pemecahan tulisan rahsia, encipherments, pemecahan tulisan rahsia bagi encipherments tertentu, dan analisis statistik dan penganalisan statistik mengenai surat-surat dan penggabungan surat dalam Tulisan Arab.

Antara sumbangan besar Al-Khindi ialah mengenai 11 teks yang menerangkan mengenai nombor dan analisis nombor.

Al-Khindi juga menghasilkan 241 buah buku dalam pelbagai bidang yang merangkumi bidang seperti berikut :-

- Astronomi (16 buah)
- Aritmetik (11 buah)
- Geometri (32 buah)
- Perubatan (22 buah)
- Fizik (12 buah)
- Falsafah (22 buah)
- Logik (sembilan buah)
- Psikologi (5 buah)
- Muzik (tujuh buah)

Selain itu, Abu Yusuf Yaqub Ibn Ishaq Al-Khindi juga menghasilkan tulisan dalam bentuk monograf meliputi bidang astronomi, batu-batan, batu-batu berharga dan sebagainya.

### **AL-Farabi**

Digelar Aristotle kedua. Tulisan ahli falsafah Yunani seperti Plato dan Aristotle mempunyai pengaruh yang besar terhadap pemikiran ahli falsafah Islam. Salah seorang ahli falsafah Islam yang terpengaruh dengan pemikiran kedua tokoh tersebut ialah Al-Farabi. Nama sebenarnya Abu Nasr Muhammad Ibnu Muhammad Ibnu Tarkhan Ibnu Uzlaq Al Farabi. Beliau lahir pada tahun 874M (260H) di Transoxia yang terletak dalam Wilayah Wasij di Turki. Bapanya merupakan seorang anggota tentera yang miskin tetapi semua itu tidak menghalangnya daripada mendapat pendidikan di Baghdad. Beliau telah mempelajari bahasa Arab di bawah pimpinan Ali Abu Bakr Muhammad ibn al-Sariy.

Selepas beberapa waktu, beliau berpindah ke Damsyik sebelum meneruskan perjalanannya ke Halab. Semasa di sana, beliau telah berkhidmat di istana Saif al-Daulah dengan gaji empat dirham sehari. Hal ini menyebabkan dia hidup dalam keadaan yang serba kekurangan.

Al-Farabi terdidik dengan sifat qanaah menjadikan beliau seorang yang amat sederhana, tidak gilakan harta dan cintakan dunia. Beliau lebih menumpukan perhatian untuk mencari ilmu daripada mendapatkan kekayaan duniawi. Sebab itulah Al-Farabi hidup dalam keadaan yang miskin sehingga beliau menghembuskan nafas yang terakhir pada tahun 950M (339H).

Walaupun Al-Farabi merupakan seorang yang zuhud tetapi beliau bukan seorang ahli sufi. Beliau merupakan seorang ilmuwan yang cukup terkenal pada zamannya. Dia berkemampuan menguasai pelbagai bahasa.

Selain itu, dia juga merupakan seorang pemuzik yang handal. Lagu yang dihasilkan meninggalkan kesan secara langsung kepada pendengarnya. Selain mempunyai kemampuan untuk bermain muzik, beliau juga telah mencipta satu jenis alat muzik yang dikenali sebagai gambus.

Kemampuan Al-Farabi bukan sekadar itu, malah beliau juga memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang perubatan, sains, matematik, dan sejarah. Namun, keterampilannya sebagai seorang ilmuwan yang terulung lebih dalam bidang falsafah. Bahkan kehebatannya dalam bidang ini mengatasi ahli falsafah Islam yang lain seperti Al-Kindi dan Ibnu Rusyd.

Dalam membicarakan teori politiknya, beliau berpendapat bahawa akal dan wahyu adalah satu hakikat yang padu. Sebarang percubaan dan usaha untuk memisahkan kedua-dua elemen tersebut akan melahirkan sebuah negara yang pincang serta masyarakat yang kacau-bilau. Oleh itu, akal dan wahyu perlu dijadikan sebagai dasar kepada pembinaan sebuah negara yang kuat, stabil serta makmur.

Al-Farabi banyak mengkaji mengenai falsafah dan teori Socrates, Plato, dan Aristotle dalam usahanya untuk menghasilkan teori serta konsep mengenai kebahagiaan. Maka tidak hairanlah, Al-Farabi dikenali sebagai orang yang paling memahami falsafah Aristotle. Dia juga merupakan seorang yang terawal menulis mengenai ilmu logik Yunani secara teratur dalam bahasa Arab.

Meskipun pemikiran falsafahnya banyak dipengaruhi oleh falsafah Yunani tetapi beliau menentang pendapat Plato yang menganjurkan konsep pemisahan dalam kehidupan manusia. Menurut Al-Farabi, seorang ahli falsafah tidak seharusnya memisahkan dirinya daripada sains dan politik. Sebaliknya perlu menguasai kedua-duanya untuk menjadi seorang ahli falsafah yang sempurna.

Tanpa sains, seorang ahli falsafah tidak mempunyai cukup peralatan untuk diekspolitasikan untuk kepentingan orang lain. Justeru, seorang ahli falsafah yang tulen tidak akan merasai sebarang perbezaan di antaranya dengan pemerintah yang tertinggi kerana keduanya merupakan komponen yang saling lengkap melengkapi. Dalam hal ini beliau mencadangkan agar diwujudkan sebuah negara kebajikan yang diketuai oleh ahli falsafah.

Pandangan falsafahnya yang kritikal telah meletakkannya sebaris dengan ahli falsafah Yunani yang lain. Dalam kalangan ahli falsafah Islam, beliau juga dikenali sebagai Aristotle kedua. Bagi Al-Farabi, ilmu segala-galanya dan para ilmuwan harus diletakkan pada kedudukan yang tertinggi dalam pemerintahan sesebuah negara.

Pandangan Al-Farabi ini sebenarnya mempunyai persamaan dengan falsafah dan ajaran Confucius yang meletakkan golongan ilmuwan pada tingkat hierarki yang tertinggi di dalam sistem sosial sesebuah negara.

Di samping itu, Al-Farabi juga mengemukakan banyak pandangan yang mendahului zamannya. Antaranya beliau menyatakan bahawa keadilan itu merupakan sifat semula jadi manusia, manakala pertarungan yang berlaku antara manusia merupakan gejala sifat semula jadi tersebut.

Pemikiran, idea, dan pandangan Al-Farabi mengenai falsafah politik terkandung dalam karyanya yang berjudul "Madinah al-Fadhilah". Perbicaraan mengenai ilmu falsafah zaman Yunani dan falsafah Plato serta Aristotle telah disentuhnya dalam karya "Ihsa\* al-Ulum" dan "Kitab al-Jam".

Terdapat dua buku tidak dapat disiapkan oleh Al-Farabi di zamannya. Buku-buku itu ialah "Kunci Ilmu" yang disiapkan oleh anak muridnya yang bernama Muhammad Al Khawarismi pada tahun 976M dan "Fihrist Al-Ulum" yang diselesaikan oleh Ibnu Al-Nadim pada tahun 988M.

Al-Farabi juga telah menghasilkan sebuah buku yang mengandungi pengajaran dan teori muzik Islam, yang diberikan judul "Al-Musiqa" dan dianggap sebagai sebuah buku yang terpenting dalam bidang berkenaan.

Sebagai seorang ilmuwan yang tulen, Al-Farabi turut memperlihatkan kecenderungannya menghasilkan beberapa kajian dalam bidang perubatan. Walaupun kajiannya dalam bidang ini tidak menjadikannya masyhur tetapi pandangannya telah memberikan sumbangan yang cukup bermakna terhadap perkembangan ilmu perubatan di zamannya.

Salah satu pandangannya yang menarik ialah mengenai betapa jantung adalah lebih penting berbanding otak dalam kehidupan manusia. Ini disebabkan jantung memberikan kehangatan kepada tubuh sedangkan otak hanya menyelaraskan kehangatan itu menurut keperluan anggota tubuh badan.

Sesungguhnya Al-Farabi merupakan seorang tokoh falsafah yang serba boleh. Banyak daripada pemikirannya masih relevan dengan perkembangan dan kehidupan manusia hari ini. Sementelahan itu, pemikirannya mengenai politik dan negara banyak dikaji serta dibicarakan di peringkat universiti bagi mencari penyelesaian dan sintesis terhadap segala kemelut yang berlaku pada hari ini.

### **Ibn Tufail**

Falsafah Ibn Tufail tidak banyak diketahui oleh umat Islam sendiri. Ibn Tufail yang lahir pada tahun 1106 Masihi di Asya, Granada lebih dikenali sebagai ahli hukum, perubatan, dan ahli politik yang handal. Semasa pemerintahan al-Mu'min ibn Ali, Ibn Tufail atau nama asalnya, Abu Bakr Muhammad ibn Abdul Malik ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Tufail al-Qisi pernah dilantik sebagai pembantu gabenor Wilayah Sabtah dan Tonjah di Maghribi.

Beliau juga pernah menjadi doktor peribadi kepada pemerintah al-Muwahidin, Abu Ya'kub Yusuf. Selepas bersara, tempatnya digantikan oleh anak muridnya iaitu Ibnu Rusyd. Semasa hayatnya, Ibn Tufail pernah dilantik sebagai menteri dan merupakan ahli politik yang dihormati oleh pihak pemerintah.

Selain itu, beliau juga melibatkan dirinya dalam bidang pendidikan, pengadilan, dan penulisan. Walaupun Ibn Tufail dikatakan telah menulis banyak buku tetapi hanya sebuah sahaja kitab yang diwariskan kepada generasi umat Islam hari ini. Kitab itu ialah "Hay ibn Yaqzan" yang memuatkan pandangannya secara umum, dengan gaya bahasa yang menarik dan imiginasi yang indah. Buku ini dianggap sebagai warisan paling unik yang ditinggalkan oleh seorang ahli falsafah Islam.

Buku ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai bahasa dunia. Yang menarik dalam buku itu, Ibn Tufail berusaha menerangkan bagaimana manusia mempunyai potensi untuk mengenali Allah. Katanya, semua ini dapat dilakukan dengan membuat penelitian terhadap alam sekitar dan sekelilingnya.

Menerusi buku itu, Ibn Tufail cuba merangka satu sistem falsafah berdasarkan perkembangan pemikiran yang ada pada diri manusia. Beliau berusaha mengungkap persoalan serta hubungan antara manusia, akal, dan Tuhan. Untuk itu, beliau telah menggunakan watak Hayibn Yaqzan yang hidup di sebuah pulau di Khatulistiwa sebagai gambaran percampuran empat unsur penting dalam kehidupan iaitu panas, sejuk, kering, dan basah dengan tanah. Watak itu hidup terpencil dan dapat mempertahankan kelangsungan hidupnya dengan pimpinan akal dan bantuan pancaindera. Langkah Ibn Tufail menggunakan analog! watak tersebut dalam bukunya dianggap sebagai suatu perkara yang luar biasa dalam penulisan karya yang berbentuk falsafah.

Watak itu tidak pernah mengenali kedua-dua ibu bapanya. Tetapi alam telah memberinya seekor kijang yang menyusu dan memberinya makan. Setelah dewasa, dia mengarahkan pandangannya terhadap perkara yang ada di sekelilingnya. Di sini dia mulai membahaskan tentang kejadian dan rahsia perubahan yang berlaku disekelilingnya. Pada anggapannya di sebalik alamnya terdapat sebab-sebab yang tersembunyi yang mentadbir dan membentuknya. Hay bin Yaqzan selalu membahaskan dan menganalisa sesuatu perkara sehingga dia mampu mengetahui bahawa kebahagiaan dan kesengsaraan manusia itu bergantung kepada hubungannya dengan Allah. Dengan watak "Hay" itu, Ibn Tufail berjaya membuat huraian yang menarik sekaligus membantu kita memahami pemikiran falsafahnya.

Buku itu juga mengandungi pengamatan Ibn Tufail mengenai ilmu metafizik, matematik, fizik, dan sebagainya. Ibn Tufail melihat alam ini sebagai baru dan ditadbir oleh Tuhan yang satu dan berkuasa penuh. Dalam diri manusia pula terdapat roh yang menjadi sumber dan asas kehidupan mereka di muka bumi ini. Falsafah Ibn Tufail bukan sekadar menyentuh perkara yang berkaitan dengan metafizik tetapi juga sains tabii seperti fizik. Ibn Tufail mendapati bahawa lapisan udara yang tinggi lebih sejuk dan nipis daripada lapisan yang rendah. Hal ini disebabkan kepanasan berlaku di permukaan bumi bukannya di ruang dan lapisan udara.

Beliau juga mendapati bahawa kepanasan boleh dihasilkan melalui geselan, gerakan cahaya sama ada daripada apt ataupun matahari. Meskipun pandangan itu dianggap sebagai satu perkara yang biasa pada hari ini tetapi pandangan ini sebenarnya telah menyediakan landasan kepada ahli sains untuk melakukan kajian terhadap kepanasan dan segala fenomena yang berkaitan dengannya. Pemikiran falsafah Ibn Tufail juga meliputi perkara yang berhubung dengan masyarakat. Beliau menyifatkan masyarakat terdiri daripada sebahagian besar anggota-anggota yang malas. Lantaran itu, mereka mudah terpengaruhi dan terikut-ikut dengan nilai yang sedia ada tanpa mahu memperbahaskannya.

Ibn Tufail hidup hampir sezaman dengan Ibnu Bajjah. Maka sebab itu beliau mudah menerima pandangan falsafah Ibnu Bajjah, al-Farabi, dan beberapa ahli falsafah Islam yang lain dengan baik. Menurut sesetengah pengkaji dan pemikir, Ibn Tufail banyak dipengaruhi oleh falsafah Ibnu Bajjah sebagaimana yang dapat diperhatikan pada pertengahan buku Hay bin Yaqzan yang banyak membawa saranan yang terdapat dalam kitab "al-Mutawwahid". Dalam buku itu, Ibnu Bajjah telah melakukan pembelaan terhadap tulisan-tulisan al Farabi dan Ibnu Sina.

Namun begitu, Ibnu Tufail tidak menerima sarangan itu bulat-bulat melainkan selepas dibahaskan secara kritis. Selain itu beliau seorang yang berpegang kepada logik dalam mengungkap realiti alam dan kehidupan manusia.

Barangkali bertitik tolak daripada sikapnya itu, beliau tidak menyepi dan mengasingkan diri seperti mana yang dilakukan oleh segelintir ahli falsafah lain. Sebaliknya beliau bergiat dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan mengambil bahagian secara aktif dalam urusan pemerintahan serta kenegaraan. Kegiatan ini dilakukannya sehingga beliau menghembuskan nafas yang terakhir pada 1185 Masihi.

### **Ibn Rusyd**

Ibnu Rusyd atau nama lengkapnya Abu Walid Muhammad Ibnu Ahmad lahir di Kardova pada tahun 1126. Beliau ahli falsafah yang paling agung pernah dilahirkan dalam sejarah Islam. Pengaruhnya bukan sahaja berkembang luas didunia Islam, tetapi juga di kalangan masyarakat di Eropah. Di Barat, beliau dikenal sebagai Averroes.

Keturunannya terdiri daripada golongan yang berilmu dan ternama. Bapanya dan datuknya merupakan kadi di Kardova. Oleh itu, beliau telah dihantar untuk berguru dengan Ibnu Zuhr yang kemudiannya menjadi rakan karibnya. Ibnu

Rusyd mempelajari ilmu fiqh dan perubatan daripada rakannya yang juga merupakan tokoh perubatan yang terkenal di Sepanyol, Ibnu Zuhr yang pernah bertugas di sebagai doktor istana di Andalusia.

Sebelum meninggal dunia, beliau telah menghasilkan bukunya yang terkenal Al Taysir. Buku itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan bahasa Inggeris dengan judul Facilitation of Treatment. Selain menjalin perhubungan yang akrab dengan Ibnu Zuhr, Ibnu Rusyd juga mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Islam Muwahidin. Hubungan ini telah membolehkan Ibnu Rusyd dilantik sebagai hakim di Sevilla pada tahun 1169. Dua tahun kemudian, beliau dilantik menjadi hakim di Kardova.

Selepas beberapa waktu menjadi hakim, beliau dilantik sebagai doktor istana pada tahun 1182 berikutan persaraan Ibn Tufail. Ramai yang berasa cemburu dan dengki dengan kedudukan Ibnu Rusyd. Kerana desakan dan tekanan pihak tertentu yang menganggapnya sebagai mulhid, beliau dibuang ke daerah Alaisano. Setelah selesai menjalani tempoh pembuangannya, beliau pulang semula Kardova. Kehadirannya di Kardova bukan sahaja tidak diterima, tetapi beliau telah disisihkan oleh orang ramai serta menerima pelbagai penghinaan daripada masyarakatnya.

Pada lewat penghujung usianya, kedudukan Ibnu Rusyd dipulihkan semula apabila Khalifah Al-Mansor Al-Muwahhidi menyedari kesilapan yang dilakukannya. Namun, segala kurniaan dan penghormatan yang diberikan kepadanya tidak sempat dikecapi kerana beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada tahun 1198.

Kematiannya merupakan kehilangan yang cukup besar kepada kerajaan dan umat Islam di Sepanyol. Beliau tidak meninggalkan sebarang harta benda

melainkan ilmu dan tulisan dalam pelbagai bidang seperti falsafah, perubatan, ilmu kalam, falak, fiqh, muzik, kaji bintang, tatabahasa, dan nahu.

Antara karya besar yang pernah dihasilkan oleh Ibnu Rusyd termasuklah "Kulliyah fit-Thibb" yang mengandungi 16 jilid, mengenai perubatan secara umum, Mabadil Falsafah (Pengantar Ilmu Falsafah), Tafsir Urjuza yang membicarakan perubatan dan tauhid, Taslul, buku mengenai ilmu kalam, Kasyful Adillah, yang mengungkap persoalan falsafah dan agama, Tahafatul Tahafut, ulasannya terhadap buku Imam Al-Ghazali yang berjudul Tahafatul Falaisafah, dan Muwafaqatil Hikmah Wal Syari'a yang menyentuh persamaan antara falsafah dengan agama.

Siri karya tulisan tersebut menunjukkan betapa penguasaan Ibnu Rusyd dalam pelbagai bidang dan cabang ilmu begitu ketara sekali sehingga usaha untuk menterjemahkan tulisan beliau telah dilakukan ke dalam bahasa lain. Buku "Kulliyah fit-Thibb" telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin pada tahun 1255 oleh Bonacosa, orang Yahudi dari Padua.

Kemudian buku itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul General Rules of Medicine. Hasil pemikiran yang dimuatkan dalam tulisannya, terutamanya dalam bidang falsafah, telah mempengaruhi ahli falsafah Barat. Dua orang ahli falsafah Eropah, iaitu Voltaire dan Rousseau dikatakan bukan sekadar terpengaruh oleh falsafah Ibnu Rusyd, tetapi memperolehi ilham daripada pembacaan karyanya.

Pemikiran Voltaire dan Rousseau telah mencetuskan era Renaissance di Perancis sehingga merobah wajah Eropah keseluruhannya sebagaimana yang ada pada hari ini. Masyarakat Barat sebenarnya terhutang budi kepada Ibnu Rusyd keranapemikirannya, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, telah mencetuskan revolusi di benua Eropah.

Pemikirannya memungkinkan masyarakat di sana keluar daripada zaman kegelapan menuju era kemajuan industri yang pesat. Hospital Les Quinze-Vingt yang juga merupakan hospital pertama di Paris didirikan oleh Raja Louis IX berdasarkan model hospital Sultan Nuruddin di Damsyik yang kaedah perubatannya merupakan hasil daripada idea dan pemikiran Ibnu Rusyd.

Ibnu Rusyd juga telah menulis sebuah buku mengenai muzik yang diberi judul "De Anima Aristoteles" (Commentary on the Aristotle's De Animo). Hasil karyanya ini membuktikan betapa Ibnu Rusyd begitu terpengaru dan tertarik oleh ilmu logik yang dikemukakan oleh ahli falsafah Yunani, Aristotle.

Pembicaraan falsafah Ibnu Rusyd banyak tertumpu pada persoalan yang berkaitan dengan metafizik, terutamanya ketuhanan. Beliau telah mengemukakan idea yang bernas lagi jelas, dan melakukan pembaharuan semasa membuat huraianya mengenai perkara tersebut.

Pembaharuan ini dapat dilihat juga dalam bidang perubatan apabila Ibnu Rusyd memberi penekanan tentang kepentingan menjaga kesihatan. Beberapa pandangan yang dikemukakan dalam bidang perubatan juga didapati mendahului zamannya. Beliau pernah menyatakan bahawa demam campak hanya akan dialami oleh setiap orang sekali sahaja.

Kehebatannya dalam bidang perubatan tidak berlegar di sekitar perubatan umum, tetapi juga merangkum pembedahan dan fungsi organ di dalam tubuh manusia. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Ibnu Rusyd turut menjangkau bidang yang berkaitan dengan kemasyarakatan apabila beliau cuba membuat pembahagian masyarakat itu kepada dua golongan iaitu golongan elit yang terdiri daripada ahli falsafah dan masyarakat awam.

Pembahagian strata sosial ini merupakan asas pengenalan pembahagian masyarakat berdasarkan kelas seperti yang dilakukan oleh ahli falsafah terkemudian, seperti Karl Max dan mereka yang sealiran dengannya. Apabila

melihat keterampilan Ibnu Rusyd dalam pelbagai bidang ini, maka tidak syak lagi beliau merupakan tokoh ilmuwan Islam yang tiada tolok bandingannya. Malahan dalam banyak perkara, pemikiran Ibnu Rusyd jauh lebih besar dan berpengaruh jika dibandingkan dengan ahli falsafah yang pernah hidup sebelum zamannya ataupun selepas kematiannya.

### **Ibn Haitham**

Dalam kalangan cerdik pandai di Barat, beliau dikenali dengan nama Alhazen. Ibnu Haitham dilahirkan di Basrah pada tahun 354H bersamaan dengan 965 Masihi. Beliau memulakan pendidikan awalnya di Basrah sebelum dilantik menjadi pegawai pemerintah di bandar kelahirannya. Setelah beberapa lama berkhidmat dengan pihak pemerintah di sana, beliau mengambil keputusan merantau ke Ahwaz dan Baghdad. Di perantauan beliau telah melanjutkan pengajian dan menumpukan perhatian pada penulisan.

Kecintaannya kepada ilmu telah membawanya berhijrah ke Mesir. Semasa di sana beliau telah mengambil kesempatan melakukan beberapa kerja penyelidikan mengenai aliran dan saluran Sungai Nil serta menyalin buku-buku mengenai matematik dan falak. Tujuannya adalah untuk mendapatkan wang saraan dalam tempoh pengajiannya di Universiti al-Azhar. Hasil daripada usaha itu, beliau telah menjadi seorang yang amat mahir dalam bidang sains, falak, matematik, geometri, perubatan, dan falsafah. Tulisannya mengenai mata, telah menjadi salah satu rujukan yang penting dalam bidang pengajian sains di Barat. Malahan kajiannya mengenai perubatan mata telah menjadi asas kepada pengajian perubatan moden mengenai mata.

Ibnu Haitham merupakan ilmuwan yang gemar melakukan penyelidikan. Penyelidikannya mengenai cahaya telah memberikan ilham kepada ahli sains barat seperti Boger, Bacon, dan Kepler mencipta mikroskop serta teleskop. Beliau

merupakan orang pertama yang menulis dan menemui pelbagai data penting mengenai cahaya. Beberapa buah buku mengenai cahaya yang ditulisnya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, antaranya ialah *Light* dan *On Twilight Phenomena*. Kajiannya banyak membahaskan mengenai senja dan lingkaran cahaya di sekitar bulan dan matahari serta bayang bayang dan gerhana.

Menurut Ibnu Haitham, cahaya fajar bermula apabila matahari berada di garis 19 darjah di ufuk timur. Warna merah pada senja pula akan hilang apabila matahari berada di garis 19 darjah ufuk barat. Dalam kajiannya, beliau juga telah berjaya menghasilkan kedudukan cahaya seperti bias cahaya dan pembalikan cahaya. Ibnu Haitham juga turut melakukan percubaan terhadap kaca yang dibakar dan dari situ terhasillah teori lensa pembesar. Teori itu telah digunakan oleh para saintis di Itali untuk menghasilkan kanta pembesar yang pertama di dunia.

Yang lebih menakjubkan ialah Ibnu Haitham telah menemui prinsip isi padu udara sebelum seorang saintis yang bernama Trricella mengetahui perkara itu 500 tahun kemudian. Ibnu Haitham juga telah menemui kewujudan tarikan graviti sebelum Issaac Newton mengetahuinya. Selain itu, teori Ibnu Haitham mengenai jiwa manusia sebagai satu rentetan perasaan yang bersambung-sambung secara teratur telah memberikan ilham kepada saintis barat untuk menghasilkan wayang gambar. Teori beliau telah membawa kepada penemuan filem yang kemudiannya disambung-sambung dan dimainkan kepada para penonton sebagaimana yang dapat kita tonton pada masa kini. Selain sains, Ibnu Haitham juga banyak menulis mengenai falsafah, logik, metafizik, dan persoalan yang berkaitan dengan keagamaan. Beliau turut menulis ulasan dan ringkasan terhadap karya-karya sarjana terdahulu. Penulisan falsafahnya banyak tertumpu kepada aspek kebenaran dalam masalah yang menjadi pertikaian. adanya pertikaian dan pertelingkahan mengenai sesuatu perkara berpunca daripada

pendekatan yang digunakan dalam mengenalinya. Beliau juga berpendapat bahawa kebenaran hanyalah satu.

Oleh sebab itu semua dakwaan kebenaran wajar diragui dalam menilai semua pandangan yang sedia ada. Jadi, pandangannya mengenai falsafah amat menarik untuk disoroti. Bagi Ibnu Haitham, falsafah tidak boleh dipisahkan daripada matematik, sains, dan ketuhanan. Ketiga-tiga bidang dan cabang ilmu ini harus dikuasai dan untuk menguasainya seseorang itu perlu menggunakan waktu mudanya dengan sepenuhnya. Apabila umur semakin meningkat, kekuatan fizikal dan mental akan turut mengalami kemerosotan.

Ibnu Haitham membuktikan pandangannya apabila beliau begitu ghairah mencari dan mendalami ilmu pengetahuan pada usia mudanya. Sehingga kini beliau berjaya menghasilkan banyak buku dan makalah. Antara buku karyanya termasuk:

1. Al'jami' fi Usul al'Hisab yang mengandungi teori-teori ilmu metamatik dan metamatik penganalisaannya;
2. Kitab al-Tahlil wa al'Tarkib mengenai ilmu geometri;
3. Kitab Tahlil ai'masa'il al 'Adadiyah tentang algebra;
4. Maqalah fi Istikhraj Simat al'Qiblah yang mengupas tentang arah kiblat bagi segenap rantau;
5. Maqalah fima Tad'u llaih mengenai penggunaan geometri dalam urusan hukum syarak dan
6. Risalah fi Sina'at al-Syi'r mengenai teknik penulisan puisi.

Sumbangan Ibnu Haitham kepada ilmu sains dan falsafah amat banyak. Kerana itulah Ibnu Haitham dikenali sebagai seorang yang miskin dari segi

material tetapi kaya dengan ilmu pengetahuan. Beberapa pandangan dan pendapatnya masih relevan sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun sebahagian karyanya lagi telah "dicuri" dan "diceduk" oleh ilmuwan Barat tanpa memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada beliau. Sesungguhnya barat patut berterima kasih kepada Ibnu Haitham dan para sarjana Islam kerana tanpa mereka kemungkinan dunia Eropah masih diselubungi dengan kegelapan.

Kajian Ibnu Haitham telah menyediakan landasan kepada perkembangan ilmu sains dan pada masa yang sama tulisannya mengenai falsafah telah membuktikan keaslian pemikiran sarjana Islam dalam bidang ilmu tersebut yang tidak lagi dibelenggu oleh pemikiran falsafah Yunani.

### **Jabir Ibn Haiyan**

Jabir Ibn Haiyan (750-803 Masihi), yang lebih akrab dipanggil "Si Geber dari Abad Pertengahan" juga dikenali sebagai "Bapa Ilmu Kimia Dunia". Beliau yang nama penuhnya Abu Musa Jabir Ibn Hayyan, telah berhasil menempatkan dirinya sebagai ilmuwan terkemuka sejak dia mengamalkan bidang perubatan dan alkimia di Kufah (sekarang Iraq) di sekitar tahun 776 Masihi yang silam. Pada peringkat awal kerjaya Abu Musa Jabir Ibn Hayyan, beliau pernah berguru pada Barmaki Vizier iaitu semasa zaman Khalifah Abbasiyah pimpinan Harun Ar-Rasyid.

Sumbangan terbesar beliau ialah dalam lapangan ilmu kimia. Beliau cukup terkenal kerana hasil penulisan yang melebihi daripada seratus risalah yang telah diabadikan sehingga kini. Terdapat sebanyak 22 risalah yang antaranya berkaitan dengan alkimia (Al-Kimiya dari bahasa Arab) dan ilmu kimia.

Beliaulah yang memperkenalkan model penelitian dengan cara eksperimen didunia alkimia. Maknanya, beliau yang menjana momentum bagi perkembangan ilmu kimia moden.

Jabir banyak mengabdikan dirinya dengan melakukan eksperimen dan pengembangan kaedah untuk mencapai kemajuan dalam bidang penyelidikan. Beliau mencurahkan daya upayanya pada proses pengembangan kaedah asas ilmu kimia dan kajian terhadap pelbagai mekanisme tindak balas kimia. Jadi, beliau mengembangkan ilmu kimia sebagai cabang ilmu alkimia.

Beliau menegaskan bahawa kuantiti yang tepat daripada bahan kimia saling berhubungan dengan wujudnya tindak balas kimia yang akan berlaku. Oleh sebab itu, bolehlah dikatakan bahawa Jabir telah meletakkan dasar ke atas hukum nisbah tetap.

Sumbangan yang paling asas oleh Jabir dalam bidang ilmu kimia termasuk juga dalam bidang penyempurnaan pendekatan saintifik, seperti pada proses penghabluran, penyulingan, kalsinasi (penukaran logam kepada oksidanya dengan cara pembakaran), pejalwap dan penyejatan serta pengembangan terhadap beberapa peralatan untuk menjalankan eksperimen itu.

Pencapaian praktis utama yang disumbangkan oleh beliau ialah penemuan bahan mineral dan asid, yang telah pun dipersiapkan pertama kali dalam penelitian tentang alembik (Anbique). Rekaannya terhadap alembik membuatkan proses penyulingan menjadi lebih mudah dan sistematik.

Antara beberapa kejayaannya yang lain dalam bidang kimia, salah satunya ialah dalam penyediaan asid nitrik, hidroklorik, sitrik, dan tartarik. Penekanan Jabir dalam bidang eksperimen sistematik ini diketahui umum tidak ada duanya didunia.

Oleh sebab itulah, mengapa Jabir diberi kehormatan sebagai "Bapa Ilmu Kimia Moden" oleh rakan sejawatnya diseluruh dunia. Bahkan dalam tulisan Max Mayerhaff, disebutkan bahawa jika ingin mencari susur galur perkembangan ilmu

kimia di Eropah maka bolehlah dijejaki secara langsung pada karya-karya Jabir Ibnu Haiyan.

Tegasnya, Jabir merupakan seorang pelopor dalam beberapa bidang pengembangan ilmu kimia gunaan. Sumbangan beliau termasuk juga dalam pembangunan keluli, penyediaan bahan-bahan logam, bahan antikatrat, tinta emas, penggunaan bijih mangan dioksida untuk pembuatan kaca, bahan pengering pakaian, dan penyamakan kulit.

Sumbangan beliau juga pada menyediakan pelapisan bahan anti air pada pakaian, serta campuran bahan cat, dan gris. Selain itu, beliau juga mengembangkan teknik peleburan emas dengan menggunakan bahan aqua regia.

Idea eksperimen Jabir itu sekarang telah menjadi dasar untuk mengklasifikasikan unsur-unsur kimia, terutamanya pada bahan logam, bukan logam, dan penguraian bahan kimia. Beliau telah merumuskan tiga bentuk berbeza daripada bahan kimia berdasarkan unsur-unsurnya:

1. Cecair (*spirit*), yakni yang mempengaruhi pengewapan pada proses pemanasan, seperti pada bahan kapur barus (camphor), arsenik, dan ammonium klorida.
2. Logam, seperti emas, perak, timah, tembaga, besi.
3. Bahan campuran, yang boleh ditukar menjadi serbuk.

Pada abad pertengahan, risalah-risalah Jabir dalam bidang ilmu kimia - termasuk kitabnya yang masyhur, Kitab Al-Kimya dan Kitab Al-Sab'een, telah diterjemahkan ke bahasa Latin. Bahkan terjemahan Kitab Al-Kimya telah diterbitkan oleh orang Inggeris yang bernama Robert Chester pada tahun 1444, dengan judul *The Book of the Composition of Alchemy*.

Buku kedua, Kitab Al-Sab'een diterjemahkan juga oleh Gerard dari Cremona. Berthelot pula menterjemahkan beberapa buku beliau, yang antaranya dikenali

dalam judul *Book of Kingdom*, *Book of the Balances*, dan *Book of Eastern Mercury*.

Berikutnya pada tahun 1678, seorang berbangsa Inggeris, iaitu Richard Russel mengalihbahasakan karya Jabir yang lain dengan judul *Sum of Perfection*. Berbeza dengan pengarang sebelumnya, Richardlah yang pertama kali menyebut Jabir dengan sebutan Geber. Dialah yang memuji Jabir sebagai seorang pendeta Arab dan juga ahli falsafah.

Buku ini kemudiannya menjadi sangat popular di Eropah selama beberapa abad lamanya dan telah member! impak dan pengaruh yang cukup besar kepada evolusi ilmu kimia moden. Istilah alkali, pertama kali ditemukan oleh Jabir. Sungguhpun begitu, daripada semua karyanya, hanya sedikit sahaja yang telah diterjemahkan. Sebahagian besar karyanya tetap kekal dalam bahasa Arab.

## **RUMUSAN**

Berdasarkan pandangan Dr Muhammad al-Bahiy salah seorang sarjana Islam berpandangan tamadun Islam itu ialah produktiviti yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusasteraan dan lain-lain. Jelas di sini konsep tamadun bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan material semata-mata, malahan konsep tamadun itu bersifat universal mencakupi pembangunan insaniah. Justeru itu bidang falsafah juga menyumbang kepada ketamadunan manusia.

Kemunculan falsafah itu adalah selari dengan prinsip-prinsip kelahiran tamadun manusia yang mana pengalaman manusia itu berinteraksi dengan alam mengajar manusia itu menjadi kreatif. Hakikatnya Allah S.W.T telah menganugerahkan manusia itu dengan unsur-unsur kreativiti iaitu pancaindera bagi mengumpul maklumat, akal dan tenaga bagi menghasilkan sesuatu daripada maklumat yang dinilai. Sejajar dengan maksud falsafah

itu berasal dari bahasa Yunani iaitu cintakan hikmah dan ahli-ahli falsafah itu adalah mereka yang mencintai kebenaran atau hikmah di samping berusaha untuk mendapatkannya.

Bidang falsafah itu amat luas sekali, namun yang diutarakan dalam penulisan ilmiah ini ialah ilmu teologi, etika, mantik, estetika, metafizik, psikologi dan kosmologia. Sementara itu bidang-bidang falsafah Islam merangkumi falsafah Islam Kalamiyah, Falsafah Islam Masyaiyah, Tasawuf dan Usul Fiqh. Sejarah membuktikan lahirnya tokoh-tokoh falsafah Islam seperti Ibn Ishaq Al-Kindi, Al-Farabi, Ibn Tufail, Ibn Rusyd, Ibn Haitham dan Jabir Ibn Haiyan.

Kehebatan tamadun Islam telah mengubah arah kegelapan tamadun barat menjadi sebuah tamadun yang hebat hingga ke hari ini. Kajian demi kajian dibuat terhadap tamadun Islam telah melahirkan banyak ahli fikir eropah. Secara kasar tamadun Islam lebih mementingkan akhlak keperibadian mulia setiap insan tanpa membezakan setiap bangsa. Namun tamadun barat lebih mementingkan kepada keuntungan atau lebih tepat materialistik (kebendaan) walaupun soal akhlak insan terbiar. Beberapa persoalan adakah tamadun barat yang bangkit daripada tamadun Islam boleh di sama erti dengan tamadun Islam.

**BIBLIOGRAFI**

Abdul Rauh Yaacob (pngr.). 1994. *Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Esa Khalid. 2001. *Konsep Tamadun Islam Sains dan Teknologi*. Skudai Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Liki Hamid ( pnys.). 2006. *Pengajian Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : PTS Professional.

Mohd Sulaiman Bin Haji Yasin. 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.